



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
No. 20

7hb Oktober 2010

TAMBAHAN
No. 3

No. 1466.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977

(P.U. (A) 155/1977)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH ROMPIN

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Rompin bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Rompin pada hari Selasa 21 Disember 2010, jam 10.00 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen atau membaharui lesen bagi tahun 2011 akan dipertimbangkan.
3. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar dengan enam (6) salinan kepada Pengerusi Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais, d/a Pejabat Daerah dan Tanah Rompin, sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan. Salinan-salinan permohonan untuk lesen baru mestilah ditampal di bangunan perniagaan yang bakal berniaga minuman bagi tempoh tidak kurang enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

Bertarikh 1 Oktober 2010

NOOR HIDAYAH BINTI AZMI
Pembantu Undang-Undang
b.p. Pegawai Daerah
Rompin

ENAKMEN RIZAB MELAYU
(N.M.B. Bab 142)

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT
(F.M.S. Cap. 142)

No. 1467.

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu [*N.M.B. Bab 142*], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah seluas 35.02 hektar, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 3930 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu dan dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Cherating.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment [*F.M.S. Cap. 142*], the State Authority declares the land measuring an area of 35.02 hectares, Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.W. 3930 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Cherating Malay Reservation.

Bertarikh 27 September 2010

Dated 27 September 2010
[PTK. 3/5/106 SJ 163(DUP)]

HAMDAN BIN HUSSIN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 1468.

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 2.45342 ekar yang dikenali sebagai Lot 10155, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 61129 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Sungai Pinang.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 2.45342 acres known as Lot 10155, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 61129 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Sungai Pinang Malay Reservation.

Bertarikh 28 September 2010

Dated 28 September 2010
[PTK. 3/5/106 SJ 198]

DATO' SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB
Menteri Besar
Pahang

No. 1469.

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. C.P. 20351 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Cherating menurut *Warta* Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu No. 7099 yang disiarkan pada 9 November 1928, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land described in the Schedule which are delineated upon Survey Plan No. C.P. 20351 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang, which are forming part of Cherating Malay Reservation *Vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 7099 published on the 9th November 1928 be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

JADUAL/SCHEDULE

No. Hakmilik/ <i>Title No.</i>	No. Lot/ <i>Lot No.</i>	Mukim	Daerah/ <i>District</i>	Luas/Area	No. Pelan/ <i>Plan No.</i>
G.M.					
1592	1310	Sungai Karang	Kuantan	2 ekar, 1 rood, 16 pole (0.951 hektar)	20351
2824	1365	Sungai Karang	Kuantan	2 ekar, 20 pole (0.8599 hektar)	20351

Bertarikh 29 September 2010

Dated 29 September 2010
[PTK. 3/5/106 SJ. 198]

DATO' SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB
Menteri Besar
Pahang

No. 1470.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN DOKUMEN
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 849/2010.

JADUAL

Daerah—Kuantan. Mukim—Sungai Karang. No. P.T.—6438. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 16513. Luas—948500 meter persegi.

Bertarikh 29 September 2010
[PTG. Phg. 08/0052/2010-SH]

*Pendaftar Hakmilik Negeri
Pahang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA